



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 114

AKTA PROSIDING KEHAKIMAN (PENGAWALSELIAAN LAPORAN) 1962

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Judicial Proceedings (Regulation of Reports) Act 1962. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

**AKTA PROSIDING KEHAKIMAN
(PENGAWALSELIAAN LAPORAN) 1962**

Pertama kali diperbuat	1962 (Akta No. 29 tahun 1962)
Disemak	1973 (Akta 114 m.b.p. 1 Ogos 1973)

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	1995
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	2000

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 114****AKTA PROSIDING KEHAKIMAN
(PENGAWALSELIAAN LAPORAN) 1962**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Sekatan ke atas penerbitan laporan
4. Penalti
5. Sanksi
6. Kecualian

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 114****AKTA PROSIDING KEHAKIMAN
(PENGAWALSELIAAN LAPORAN) 1962**

Suatu Akta untuk mengawal selia penerbitan laporan prosiding kehakiman dengan sedemikian cara untuk mencegah kerosakan moral awam.

[*Semenanjung Malaysia—15 Mac 1963, L.N. 70/1963;*
Sabah dan Sarawak—30 September 1965, L.N. 358/1965]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Prosiding Kehakiman (Pengawalseliaan Laporan) 1962.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini—

“prosiding domestik” ertinya prosiding—

- (a) di bawah Akta Penjagaan Budak 1961 [*Akta 351*], Ordinan Penjagaan Budak bagi Sabah [*Bab 54*] dan Ordinan Penjagaan Budak bagi Sarawak [*Bab 93*];
- (b) di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 [*Akta 263*], Ordinan Nafkah 1959 bagi Sabah [*Ord. 7 tahun 1959*];
- (c) di bawah Akta Perintah Nafkah (Kemudahan bagi Penguatkuasaan) 1949 [*Akta 34*]; dan
- **(d)* di bawah seksyen 12 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [*Akta 164*],

**CATATAN—Lihat seksyen 109 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164].*

selain prosiding bagi menguatkuasakan sesuatu perintah yang dibuat di bawah peruntukan undang-undang yang tersebut dalam perenggan (a) dan (b), atau bagi mengubah apa-apa kehendak bagi pembayaran wang yang terkandung dalam sesuatu perintah yang dibuat di bawah peruntukan tersebut, atau dalam sesuatu perintah yang dibuat atau disahkan di bawah Akta yang tersebut dalam perenggan (c);

“prosiding kehakiman” termasuklah prosiding di hadapan mana-mana mahkamah, tribunal atau orang yang melalui undang-undang mempunyai kuasa untuk mendengar, menerima dan memeriksa keterangan dengan sumpah.

Sekatan ke atas penerbitan laporan

3. Tidak sah di sisi undang-undang bagi tuan punya, pengarang atau penerbit sesuatu akhbar atau majalah berkala untuk mencetak atau menerbitkan atau menyebabkan atau mendapatkan supaya dicetak atau diterbitkan—

(a) berhubung dengan mana-mana prosiding kehakiman apa-apa perkara yang lucah atau perincian perubatan, pembedahan atau fisiologi yang lucah yang merupakan perkara atau perincian yang penerbitannya dikira akan menyebabkan kerosakan moral awam; dan

(b) (i) berhubung dengan mana-mana prosiding kehakiman bagi pembubaran perkahwinan, pemansuhan perkahwinan, perpisahan kehakiman atau restitusi hak suami isteri; atau

(ii) berhubung dengan mana-mana prosiding domestik, apa-apa butir selain yang berikut, iaitu:

(I) nama, alamat dan pekerjaan pihak dan saksi;

(II) alasan permohonan atau suatu pernyataan ringkas mengenai pertuduhan, pembelaan dan pertuduhan balas yang bagi menyokongnya keterangan telah diberikan;

(III) penghujahan mengenai apa-apa perkara undang-undang yang berbangkit di mahkamah tentang prosiding itu dan keputusan mahkamah mengenainya; dan

- (IV) penghakiman mahkamah dan apa-apa pandangan yang dibuat oleh mahkamah apabila memberikan penghakiman itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh dianggap sebagai membenarkan penerbitan sesuatu yang berlawanan dengan perenggan (a).

Penalti

4. Mana-mana orang yang bertindak melanggar dengan Akta ini boleh dikenakan dengan setiap kesalahan apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat bulan atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

Sanksi

5. Tiada apa-apa pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa sanksi Pendakwa Raya.

Kecualian

6. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh terpakai bagi pencetakan apa-apa pliding, transkrip keterangan atau dokumen lain bagi penggunaan berkaitan dengan mana-mana prosiding kehakiman atau penyampaiannya kepada orang yang berkaitan dengan prosiding itu, atau bagi pencetakan atau penyiaran apa-apa notis atau laporan menurut arahan mahkamah; atau bagi pencetakan atau penyiaran apa-apa perkara dalam mana-mana jilid berasingan atau bahagian mana-mana siri *bona fide* laporan undang-undang yang tidak menjadi sebahagian mana-mana penerbitan lain dan hanya mengandungi laporan prosiding di mahkamah undang-undang, atau dalam mana-mana penerbitan bercorak teknikal yang diniatkan *bona fide* untuk diedarkan di kalangan anggota profesion undang-undang atau perubahan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 114****AKTA PROSIDING KEHAKIMAN
(PENGAWALSELIAAN LAPORAN) 1962****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. 358/1965	Perintah Pengubahsuaian Undang-undang (Prosiding Kehakiman) (Pengawalseliaan Laporan) (Peluasan ke Negeri-Negeri Borneo) 1965	30-09-1965
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta 164	Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976	01-03-1982

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 114****AKTA PROSIDING KEHAKIMAN
(PENGAWALSELIAAN LAPORAN) 1962****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta 164	01-03-1982
4	Akta 160	29-08-1975
